

Ku Li belum pasti bertanding Presiden Umno
Malaysian Insider
Sept 6 , 2013
OLEH MD IZWAN

Pemimpin Veteran Umno Tengku Razaleigh Hamzah masih berahsia sama ada akan bertanding dalam pemilihan Umno Oktober ini, namun beliau tidak menafikan pertemuan dengan beberapa Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Rakyat (PR) untuk mendapatkan sokongan.

Tengku Razaleigh berkata beberapa perkara perlu dipertimbangkan sebelum membuat keputusan, serta mengambil pendirian untuk tunggu dan lihat dahulu.

"Hasrat untuk bertanding itu ada, tapi belum ada keputusan lagi," kata beliau dalam sidang media di kediamannya di Langgak Golf hari ini.

Ku Li turut tidak menafikan apabila disoal tentang laporan media mengatakan berlaku pertemuan dengan ahli-ahli Parlimen BN dari Sabah dan Sarawak serta beberapa pemimpin pembangkang lain.

"Saya berjumpa banyak orang.

"Itu mungkin laporan khabar angin, laporan sahaja," jawab beliau cuba mengelak soalan daripada wartawan tentang perkara tersebut. - 6 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ku-li-belum-pasti-bertanding-presiden-umno>